

SOP rai Tahun Baharu Cina pastikan masyarakat selamat: PM

Kuala Lumpur: Prosedur Operasi Standard (SOP) tertentu yang ditetapkan pada sambutan Tahun Baharu Cina adalah bagi memastikan masyarakat dapat menyambut perayaan dalam keadaan selamat, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Ia, kata Perdana Menteri, termasuk sekatan rentas negeri dan daerah yang menyebabkan ramai tidak dapat pulang ke kampung atau berjumpa keluarga masing-masing yang bukan bertujuan menyekat kebebasan, sebaliknya demi kebaikan bersama bagi melindungi nyawa, terutama ahli keluarga yang disayangi.

"Ini penting kerana keutamaan kita semua pada masa ini ialah untuk memutuskan rantai jangkitan COVID-19 dan melindungi nyawa rakyat," katanya dalam perutusan sempena Tahun Baharu Cina 2021 yang disiarkan secara langsung di RTM, semalam.

Di sebalik kekangan itu, katanya, beliau percaya Tahun Baharu Cina masih dapat disambut dengan penuh gembira dan me-

Ini penting kerana keutamaan kita semua pada masa ini ialah untuk memutuskan rantai jangkitan COVID-19 dan melindungi nyawa rakyat.

Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri

riah dengan tradisi makan besar yang menjadi amalan masyarakat Cina pada malam sebelum hari pertama perayaan masih dapat diraikan dengan penuh bermakna bersama ahli keluarga.

"Mengambil kira kepentingan tradisi ini, kerajaan memberi sedikit kelonggaran dengan membenarkan *reunion dinner* dengan



Muhyiddin menyampaikan perutusan sempena sambutan Tahun Baharu Cina, semalam.
(Foto BERNAMA)

ahli keluarga yang tinggal berdekatan, tidak lebih 15 orang pada malam sebelum Tahun Baharu Cina. Aktiviti keagamaan di tempat ibadat masyarakat Cina juga dibenarkan mengikut SOP ditetapkan," katanya.

Muhyiddin turut menasihatkan masyarakat sentiasa mengamalkan kawalan sendiri pada setiap

masa, mengamalkan pemakaian pelitup muka, penjarakan fizikal dan sentiasa membasuh tangan, selain melindungi ahli keluarga yang terdiri daripada golongan berisiko tinggi.

"Bagi ahli keluarga tinggal berjauhan atau pelajar yang terpaksa berada di kampus universiti atau kolej, saudara dan saudari boleh-

lah memanfaatkan teknologi yang ada pada hari ini dengan membuat panggilan video untuk melepaskan kerinduan terhadap ahli keluarga dan sahabat handai jauh di mata," katanya.

Sambil berharap sambutan tahun ini membawa kebahagiaan dan kesejahteraan buat seluruh rakyat Malaysia, Perdana Menteri berkata, Tahun Baharu Cina perlu dijadikan sumber kekayaan budaya dan adat resam rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama serta titik pengukuhan sikap saling menghormati.

"Saya berharap sambutan *Year of the Ox* ini akan meningkatkan semangat dan memberi kekuatan baharu kepada kita dalam meneruskan usaha untuk bersama-sama memutuskan rantai wabak COVID-19, seterusnya memulihkan ekonomi negara.

"Saya, isteri dan seisi keluarga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baharu Cina 2021 khususnya kepada masyarakat Cina di negara kita," katanya.